



KOSMO
01-Jun-2010
Page: 54
Business & Finance
Region: Malaysia
Circulation: 120000
Type: Malaysia - Malay Newspapers
Size: 82.99 sq.cms
Frequency: MTWTFS

10 sektor utama IKS ditawarkan

IPOH - Kerajaan negeri Perak telah mewujudkan Program Memperkasa Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan menawarkan 10 sektor utama dalam usaha mengukuhkan kedudukan kumpulan usahawan tersebut dalam bidang perniagaan yang lebih berdaya saing.

Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita Perak, Datuk Hamidah Osman berkata, sektor utama yang telah dikenal pasti itu ialah bidang perhutanan, asas tani, akuakultur, teknologi maklumat dan komunikasi, pendidikan, pelancongan dan hospitaliti, perkhidmatan am, penternakan, perdagangan, industri dan keusahawanan serta bioteknologi.

"Melalui pendekatan tersebut, kerajaan negeri juga dijangka tidak lagi menghadapi sebarang masalah untuk menawarkan bidang-bidang keusahawanan yang berdaya saing kepada usahawan IKS yang berminat menanam modal di Perak.

"Dalam masa yang sama, ia juga dapat membantu bakal usahawan mahupun usahawan sedia ada memilih bidang yang diminati tetapi berpotensi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di sini semalam.

Hamidah menjelaskan, agensi yang terlibat dalam program tersebut ialah Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Pertanian Negeri, K-Perak, Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Perak Tourism Bhd. dan Majlis Amanah Rakyat (Mara).

"Turut terbabit dalam program itu ialah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri cawangan Perak serta Perak Bio Corporation Sdn. Bhd.," katanya.